

107

SOALAN NO. 439

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT PUAN HAJAH SITI ZAILAH
BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

SOALAN :

YB Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah pengundi awal dan jumlah pengundi pos terkini di seluruh negara mengikut negeri.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengundi awal di seluruh negara sehingga 31 Disember 2017 adalah seramai 300,295 orang.

Walau bagaimanapun, jumlah bilangan pengundi pos masih belum dimuktamadkan kerana tempoh permohonan undi pos masih dibuka dan hanya akan ditutup pada hari penamaan calon.

Sekian, terima kasih.